

Arahan : Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Pilih jawapan yang tepat.

1. Keyakinan dan keimanan yang mantap terhadap rukun iman dan perkara-perkara ghaib.

Pernyataan di atas merujuk kepada

maksud _____
 A. Iman C. Aqidah
 B. Islam D. Tauhid

2. Antara yang berikut, yang manakah akibat tidak tetap dengan agama Allah?

A. Menjadi orang yang terkenal dalam ilmu agama.
 B. Menjadi tempat rujukan kepada orang ramai.
 C. Allah swt menerima segala amalan.
 D. Segala amalan tidak diterima oleh Allah

3. Tugas malaikat izrail ialah
 A. menyampaikan wahyu Allah.
 B. menurunkan rezeki dan hujan.
 C. mencabut nyawa semua makhluk.
 D. meniup sangkakala.

4.
 - Dianugerahkan suara yang merdu
 - Diberikan mukjizat melembutkan besi

Pernyataan di atas merujuk kepada

 A. Nabi Syuaib a.s C. Nabi Daud a.s
 B. Nabi Ayub a.s D. Nabi Sulaiman a.s

5. Berikut adalah tanda-tanda besar hari kiamat **kecuali**
 A. Keluar asap (al-Dukhan)
 B. turunnya Nabi Isa

C. munculnya Imam Mahdi
 D. tersebarnya arak dan zina

6. Pilih pernyataan yang **betul** mengenai istilah berikut.

A. Sertu ialah proses menghilangkan lendir, daging dan kelembapan yang ada pada kulit.
 B. Samak ialah membasuh anggota tertentu beserta niat.
 C. Solat ialah perbuatan dan Perkataan yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam.
 D. Istinja ialah benda kotor yang menyebabkan solat tidak sah.

7.
 - Didirikan di masjid
 - Secara berjemaah
 - Didahului oleh dua khutbah

Pernyataan di atas adalah mengenai

 A. syarat wajib solat jumaat
 B. syarat sah solat jumaat
 C. rukun solat jumaat
 D. kaifiat solat jumaat


8. Pilih tindakan awal yang perlu dilakukan ke atas jenazah.

I Menutup mata jenazah
 II Menggantikan pakaian jenazah
 III Meletakkan tangan jenazah di atas dadanya
 IV Mengusungnya ke tempat mandi

A. I, II dan III C. I, III dan IV
 B. II, III dan IV D. II dan IV

9. Berikut adalah perkara makruh ketika

puasa **kecuali**
 A. berbekam
 B. melewati berbuka
 C. pitam sepanjang hari
 D. tidur berlebihan di siang hari

10. Terdapat _____ asnaf yang layak menerima zakat.
A. enam C. lapan
B. tujuh D. sembilan
11. 
- Apakah hukum tajwid bagi potongan ayat bergaris?
A. Iqlab C. Ikhafa' hakiki
B. Izhar halqi D. Idgham maal ghunnah
12. Gelaran kepada Saidina Umar al-Khattab ialah _____
A. al-Amin C. al-Faruq
B. al-Siddiq D. Zu Nurain
13. Apakah nama datuk kepada Nabi Muhammad saw?
A. Abu Jahal C. Abdul Mutalib
B. Abu Talib D. Abu Ubaidah
14. Pusat penyebaran Islam pada masa dakwah secara sulit ialah rumah _____
A. Usman b. Affan
B. Zaid b. Harithah
C. Abdul Rahman b. Auf
D. Al-Arqam b. Abi Arqam
15. Penduduk asal Madinah yang telah memeluk Islam dan membantu perjuangan Rasulullah saw di Madinah.
Pernyataan di atas merujuk kepada _____
A. Muhajirin C. Kaum Quraish
B. Ansar D. Kaum Muhajirin
16. Pilih hikmah termeterinya Perjanjian Hudaibiyah.
I Kekuatan Islam semakin bertambah
II Usaha dakwah Rasulullah saw tidak diganggu.
III Pembuka jalan kepada Pembukaan Kota Mekah.
IV. Penduduk Mekah menjauhi Rasulullah saw
A. I, II dan III C. I, III dan IV
B. II, III dan IV D. Semua di atas
17. Pilih yang manakah **bukan** cara berpakaian yang bermaruah.
A. Kemas dan bersih
B. Tidak mengandungi lambang, gambar dan tulisan yang dilarang dalam Islam.
C. Menyerupai pakaian agama lain.
D. Sesuai dengan tatasusila masyarakat setempat.
18. ❖ Mencintai Allah swt
❖ Mengasihi ibubapa
❖ Menyayangi saudara seagama
Pernyataan di atas merujuk kepada sifat _____
A. amanah C. mahabbah
B. istiqamah D. qanaah
19. Berikut adalah cara bersyukur melalui hati **kecuali** _____
A. mengakui nikmat yang diterima adalah daripada Allah swt.
B. mengakui kekuasaan dan kebesaran Allah swt
C. bersangka baik dengan Allah swt
D. bercakap perkara berfaedah

20.

Kata-kata yang tepat kepada sasaran pendengar dan memberi kesan .

Pernyataan di atas merujuk kepada Prinsip komunikasi Islam dalam bentuk

- A. Qaulan sadidan
- B. Qaulan balighan
- C. Qaulan maisuran
- D. Qaulan kariman